

Gah!

Gaya Hidup • Artistik • Hiburan



PENGALAMAN INDUSTRI MEMBANTU: Penggerak kolektif seni Kaizen M.D., Encik Muhammad Norisham Osman, yang meraih ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Kelas Dua Atas bidang pengurusan industri kreatif Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) teraja dapat berkongsi pengalaman peribadi sebagai seniman muda. - Foto KHALID BABA

Tesis penggiat seni kaji ragam dunia tari

► HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

BIDANG tarian mendarah daging dalam jiwa Encik Muhammad Norisham Osman, 32 tahun.

Namun, ketika memilih kursus ijazah di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), beliau cenderung mengikuti kursus Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang pengurusan industri kreatif.

Sebabnya, beliau ingin mencedok selok-belok mengendalikan perniagaan se-ni dengan jayanya.

Pengetahuan pengurusan sebegini mungkin dirasanya lebih bermanfaat bagi memastikan penakanan kolektif seni pemantasan Kaizen M.D. yang diuruskannya bersama beberapa teman lain terjamin.

Kelman, segala penat lelah selama setahun berhasil apabila pemuda berkaca mata itu tamat pengajian dengan ijazah Kepujian Kelas Dua Atas.

Beliau menerima ijazahnya di Teater Yayan Lee, Kampus 3 Nafa, Bencoolen Street.

Ketika ditemui, Encik Muhammad Norisham, yang juga lulusan diploma bidang pengurusan seni Nafa 2011, berkata:

"Saya kembali ke bilik darjah selepas tempoh lima tahun. Rasanya rugi jika tidak rebut peluang mengambil program ijazah yang makan masa setahun sahaja."

"Pilihan saya dari awal bukannya kursus tarian, walaupun bidang ini dekat di hati saya, kerana saya lebih ingin belajar tentang perniagaan."

"Bagaimana dapat saya menangani masalah sesebuah syarikat? Apakah yang patut saya lakukan bagi menarik lebih ramai penonton? Nak jual 'produk' seni kami pula bagaimana?"

"Soalan tentang daya kreatif dan keusahawanan inilah yang bermain di minda dan perlukan jawapan bagi saya pastikan penakanan Kaizen M.D."

Meskipun pengajian pengurusan industri kreatif itu memakan masa setahun sahaja, beliau terasa banyak perkara yang perlu dibereskan dalam tempoh singkat itu.

Penerima Anugerah Belia Harapan Goh Chok Tong (Kepujian) 2015 itu teringat jerih payah menyiapkan tesis sampai tidak sempat pulang rumah. Beliau bertengkus lumus bersengkang mata menulis

"Kalau dulu ibu saya pernah bertanya, apa saya dapat daripada menari. Lama-kelamaan, pandangannya berubah apabila kisah perjuangan seni saya mula dilaporkan... Beliau tahu saya serius dalam bidang seni dan ingin lihat anak Melayu lain pun terus berkarya dan mempertingkat daya ilham mereka menjadi sesuatu yang boleh kita banggakan sebagai anak Melayu."

– Encik Muhammad Norisham Osman.

tesis di kafe. Tesisnya mengupas kepentingan kelayakan akademik bagi penggiat tarian Melayu.

"Saya lihat tiada institusi pengajian tinggi dengan sistem pembelajaran khusus mengenai tarian Melayu di Singapura."

"Mereka yang minat menari akan pergi ke Nafa atau Maktab Seni Lasalle bagi meraih kelayakan akademik dalam bidang tarian secara menyeluruh."

"Bagi saya, penggiat tarian Melayu memerlukan pusat pengajian dengan sukanan pelajaran atau buku rujukan sendiri. Ini memandangkan setiap kumpulan tari biasanya ada cara, buku atau sistem sendiri."

"Pembelajaran dan kelayakan akademik ini amat perlu kalau kita bincang tentang hala tuju dan perjalanan kerjaya penari tarian Melayu sepenuh masa," ujarnya penuh keprighthinan.

Pengalaman industri meluas yang dimiliki Encik Muhammad Norisham amat berguna sewaktu mengejar ijazahnya itu.

"Saya dapat lebih memahami contoh

yang digunakan pensyarah. Saya juga berkongsi pengalaman peribadi bergiat dalam bidang seni dengan rakan-rakan."

"Saya mula menari pada 2000 ketika bersekolah di Sekolah Menengah Yio Chu Kang."

"Selpas hampir dua dekad berkecimpung dalam bidang seni, saya berharap dapat menyumbang ke arah usaha menaiktarafkan mutu industri seni Melayu, baik bidang tarian, muzik maupun teater," ujarnya.

Kepuasan yang dirasai setiap kali terlibat dalam sesebuah penerbitan memang payang digambarkan kata-kata.

Antara persembahan yang pernah beliau jayakan ialah taridra *Deruma* terbitan Azpirasi dan Dian Dancers dengan kerjasama Esplanda awal tahun ini sebagai Tanggang; dan *Riders Know When It's Gonna Rain* tulisan Nessa Anwar menerusi watak Alep yang suka menyertai perlumbaan motosikal dalam *Pesta Teater Singapura* 2016.

Kepuasan itu tidak pernah pudar kerana impianinya adalah mengembara demi melihat seni di luar negara seraya membawa seni Melayu bersama.

"Dengan wujudnya sokongan terhadap kesenian Melayu dan kesedaran yang semakin bertambah mengenai kegiatan sebegini, saya gembira proses menjana ilham kreatif kian maju."

"Kita perlukan lebih banyak sesi 'masterclass' atau belajar dengan pakar agar keperluan terhadap seni bertambah," ujarnya.

Bagi Encik Muhammad Norisham, seni mampu mencorak masyarakat, malah dijadikan wadah penyebar nilai murni dan makna kehidupan.

Sehubungan itu, lebih ramai ibu bapa perlu dideakhan kepada nikmat menerapkan unsur kesenian dalam kegiatan harian anak.

"Kalau dulu ibu saya pernah bertanya, apa saya dapat daripada menari. Lama-kelamaan, pandangannya berubah apabila kisah perjuangan seni saya mula dilaporkan di surat khabar atau disiarkan di televisyen."

"Beliau tahu saya serius dalam bidang seni dan ingin lihat anak Melayu lain pun terus berkarya dan mempertingkat daya ilham mereka menjadi sesuatu yang boleh kita banggakan sebagai anak Melayu" katanya.